



MAJLIS ISLAM SARAWAK

**GARIS PANDUAN
PENGANJURAN MAJLIS KENDURI ORANG ISLAM NEGERI
SARAWAK (PERTUNANGAN, PERKAHWINAN, TAHLIL & DOA
SELAMAT) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PEMULIHAN (PKPP)
TAHUN 1441 HIJRI/ 2020 MILADI**

1. Penganjuran majlis kenduri orang Islam negeri Sarawak (pertunangan, perkahwinan, tahlil & doa selamat) termasuk di masjid/ surau adalah dibenarkan bermula 9 Zulkaedah 1441H/ 1 Julai 2020M.
2. Majlis kenduri boleh dihadiri oleh seramai tidak lebih daripada 250 orang dengan mematuhi penjarakan sosial (1 meter).
3. Mana-mana individu yang disahkan positif COVID-19 atau yang masih dalam notis kuarantin COVID-19 atau mempunyai gejala demam, batuk dan sesak nafas adalah dilarang hadir.
4. Warga emas berumur 70 tahun ke atas, mana-mana individu berisiko terhadap jangkitan COVID-19 (seperti mempunyai penyakit kronik, sakit jantung, darah tinggi, kencing manis, asma dan lain-lain) dan kanak-kanak yang berumur 15 tahun ke bawah adalah dinasihat tidak hadir.

5. Semua individu yang hadir dalam hendaklah:
 - (a) Memakai pelitup muka dan hidung;
 - (b) Menjaga penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter;
 - (c) Mengelakkan elemen 3S (sesak, sempit dan sembang dekat);
 - (d) Melalui saringan suhu badan;
 - (e) Mendaftar butiran peribadi dalam buku rekod khas yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola;
 - (f) Mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer*;
 - (g) Tidak bersesak-sesak;
 - (h) Mengelakkan pergerakan dari meja ke meja;
 - (i) Tidak bersalam-salaman; dan
 - (j) Sentiasa menjaga kebersihan diri.

6. Tuan Rumah (Penganjur) hendaklah:
 - (a) Membuat saringan suhu badan;
 - (b) Menyediakan buku rekod khas dan merekod kehadiran semua pihak yang hadir;
 - (c) Menyediakan sabun dan air atau *hand sanitizer*;
 - (d) Memastikan penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) dan menjauhi elemen 3S (sesak, sempit dan sembang dekat) dipatuhi sepenuhnya sepanjang pelaksanaan majlis;
 - (e) Melakukan proses nyahkuman (disinfeksi) sebelum dan selepas majlis;
 - (f) Memastikan premis majlis mempunyai pengudaran yang baik; dan
 - (g) Memastikan semua arahan dalam garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya.

7. Peraturan penyediaan jamuan:
 - a) Susunatur tempat duduk dan meja/ seperah hendaklah mematuhi penjarakan sosial (1 meter);
 - b) Penyajian jamuan boleh diadakan secara bento atau berhidang. Sajian secara *buffet* adalah tidak digalakkan;
 - c) Jika penyajian secara berhidang, sudu setiap lauk hendaklah disediakan untuk setiap seorang;

8. Semua aktiviti yang melibatkan sentuhan adalah dilarang seperti majlis tepung tawar.
9. Tetamu/ Jemaah tidak dibenarkan berkumpul sebelum dan selepas majlis.
10. Penganjuran majlis adalah dihadkan kepada 5 jam sahaja.

11. Semua yang terlibat dalam majlis ini digalakkan terus mandi apabila sampai ke rumah.
12. Penganjur boleh menambahbaik garis panduan ini mengikut keadaan dan keperluan semasa.
13. Majlis Islam Sarawak boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.



(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

2 Zulkaedah 1441 Hijri/ 24 Jun 2020 Miladi